

اقراء
IQRA

EVOLUSI
DEKAD
1984-2024



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Cawangan
Selangor

BULETIN PTAR

BIL.4 /2026
APRIL

UiTM CAWANGAN SELANGOR



 **IQRA'**

BULETIN PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
UiTM CAWANGAN SELANGOR

SELAMAT MAJU JAYA BUAT PELAJAR LATIHAN INDUSTRI

Tarikh : 3 April 2026 | 14 Syawal 1447H
Lokasi : PTAR UiTM Kampus Puncak Alam Cawangan Selangor

Pihak Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih diucapkan kepada para pelajar latihan industri iaitu Saudara Muhammad Isyraf Luqman Bin Mohd Kamal dan Saudari Wan Zarith Eliany Binti Khairul Azhar atas komitmen, dedikasi serta kesungguhan yang telah ditunjukkan sepanjang tempoh penempatan.

Sepanjang berada bersama kami, para pelajar bukan sahaja berjaya menyesuaikan diri dengan persekitaran kerja, malah turut mempamerkan sikap profesionalisme, disiplin serta semangat kerja berpasukan yang tinggi. Sumbangan idea, tenaga dan kerjasama yang diberikan amat dihargai dan telah membantu melancarkan pelbagai tugas serta aktiviti yang dilaksanakan.

Pengalaman dan pendedahan yang diperoleh diharap dapat dimanfaatkan sepenuhnya sebagai bekalan berharga dalam menghadapi dunia kerjaya sebenar. Semoga para pelajar terus melangkah maju dengan penuh keyakinan serta menjadi individu yang berilmu, berkemahiran dan berdaya saing.

Terima kasih atas segala jasa dan bakti sepanjang bersama kami. Semoga terus melakar kejayaan dan kecemerlangan pada masa hadapan!



PEMERKASAAN KOLEKSI KHAS 3R (ROYAL, RACE & RELIGION): PTAR UCS TERIMA 31 NASKHAH SUMBANGAN KURSI RAJA-RAJA MELAYU UiTM

Tarikh : 8 April 2026 | 19 Syawal 1447H

Lokasi : Pejabat Pemerkasaan Adiwangsa, Aras 5 Kompleks Al-Farabi

Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR), UiTM Cawangan Selangor dengan penuh penghargaan menerima 31 naskhah bahan rujukan bidang 3R (Royal, Race & Religion) hasil sumbangan Kursi Raja-Raja Melayu UiTM Shah Alam.

Kesemua bahan merupakan terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) yang signifikan dalam memperkukuh Koleksi Khas 3R sebagai pusat rujukan nilai, warisan dan ketamadunan.

Sumbangan telah disampaikan oleh YB Senator Profesor Emeritus Datuk Seri Dr. Awang Sariyan, Penyandang Kursi Raja-Raja Melayu UiTM kepada Pn Hani Liza Norfin, Timbalan Ketua Pustakawan Kanan.

PTAR UCS komited untuk memastikan koleksi ini dimanfaatkan secara optimum dalam memperkasa budaya ilmu dalam kalangan warga universiti dan komuniti.



TAKLIMAT PENGURUSAN REKOD DAN FAIL

Tarikh : 14 April 2026 | 24 Zulkaedah 1447H
Lokasi : Fakulti Perubatan, Kampus Sungai Buloh

Taklimat Pengurusan Rekod dan Fail telah dilaksanakan di Fakulti Perubatan, Kampus Sungai Buloh dengan tujuan meningkatkan kefahaman warga fakulti terhadap kepentingan pengurusan rekod dan fail secara sistematik, teratur serta mematuhi garis panduan yang ditetapkan.

Sesi penerangan yang dijalankan merangkumi kaedah pengurusan rekod yang berkesan, proses pengwujudan fail, tatacara penyimpanan serta pelupusan rekod dan fail selaras dengan akta, pekeliling dan garis panduan yang berkuat kuasa. Program ini diharapkan dapat memperkukuh amalan pengurusan rekod yang lebih cekap, teratur dan berintegriti dalam kalangan warga fakulti





SESI RESKILL SIRI 1: TAKLIMAT PENGURUSAN BAHAN HARTA INTELEK (IR)

Tarikh : 16 April 2026 | 27 Syawal 1447H
Lokasi : PTAR UiTM Cawangan Selangor Kampus Puncak Alam

Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) Kampus Puncak Alam telah menganjurkan Sesi Reskill Siri 1 : Taklimat Pengurusan Bahan Harta Intelekt sebagai salah satu inisiatif dalam memperkukuh budaya pengurusan ilmu dalam kalangan warga institusi yang disampaikan oleh Cik Nurul Nadiah Harun, Pustakawan di PTAR Kampus Puncak Alam.

Sesi ini bertujuan memberikan pendedahan berkaitan kepentingan pengurusan bahan ilmiah secara sistematik dan selaras dengan garis panduan yang ditetapkan. Sepanjang sesi, peserta didedahkan dengan konsep harta intelek, pemeliharaan hak cipta, prosedur pendepositan bahan serta amalan terbaik dalam pengurusan dan perkongsian bahan ilmiah.

Penganjuran program ini merupakan usaha berterusan dalam meningkatkan kesedaran dan kefahaman warga organisasi terhadap pengurusan hasil intelektual secara berintegriti dan profesional. Selain itu, ia turut menyokong pembudayaan ilmu serta meningkatkan keterlihatan hasil penyelidikan institusi, selaras dengan objektif yang telah ditetapkan.



اِقْرَأْ

I Q R A

PROGRAM BACAAN YASIN DAN TAZKIRAH

Tarikh : 16 April 2026 | 27 Syawal 1447H
Lokasi : PTAR UiTM Kampus Sungai Buloh Cawangan Selangor



PTAR Kampus UiTM Sungai Buloh telah berjaya menganjurkan Program Bacaan Yasin dan Tazkirah yang berlangsung dari jam 8.45 pagi hingga 10.00 pagi di Bilik Pantri PITSTOP HEP, Aras 1, Bangunan Akademik, Fakulti Perubatan. Program ini menghimpunkan semua staf di bawah Pejabat Penolong Rektor dalam suasana yang meriah.

Sesi dimulakan dengan bacaan Surah Yasin, diikuti dengan penyampaian tazkirah oleh Ustaz Mohd Norhisyam Azman, Pegawai Eksekutif Unit Hal Ehwal Islam, UiTM Cawangan Selangor, Kampus Puncak Alam. Perkongsian yang disampaikan memberi refleksi rohani yang bermakna untuk menggalakkan para peserta untuk lebih menghargai kepentingan ilmu, iman dan perpaduan dalam kehidupan seharian.

Program ini bertujuan untuk menghidupkan amalan membaca Al-Quran, menambah ilmu pengetahuan dan mewujudkan peluang untuk mengeratkan ukhuwah dalam kalangan staf kampus. Program ini turut diserikan dengan sumbangan makanan daripada pelbagai unit dan jabatan yang mencerminkan semangat kerjasama dan kebersamaan.

Setinggi-tinggi penghargaan diucapkan kepada semua staf Pejabat Penolong Rektor atas penyertaan termasuk semua PTJ yang terlibat dalam memberikan sokongan padu bagi menjayakan program ini. Diharapkan agar program seumpama ini dapat diteruskan pada masa hadapan sebagai platform untuk mengukuhkan silaturahim, menyemai nilai-nilai positif dan mempromosikan kesejahteraan dalam komuniti kampus.

اِقْرَأْ

I Q R A

PROGRAM JOM BACA 10 MINIT @ SUNGAI BULOH, SELAYANG & TELUK INTAN

Tarikh : 23 April 2026 | 3 Zulkaedah 1447H

Lokasi : PTAR UiTM Kampus Sungai Buloh, Selayang & Teluk Intan Cawangan Selangor



Program Jom Baca Bersama 10 Minit telah diadakan secara serentak di kampus UiTM Sungai Buloh, Selayang dan Teluk Intan bermula jam 11.00 pagi hingga 11.10 pagi sebagai salah satu inisiatif untuk menyokong dan mempromosikan budaya membaca dalam kalangan warga kampus. Tema tahun ini adalah “Membaca Membina Bangsa”.

Program tahunan ini bertujuan menggalakkan seluruh warga kampus meluangkan masa selama sepuluh minit untuk membaca, sekali gus menjadikan amalan membaca sebagai budaya ilmu dan gaya hidup. Pelaksanaan program ini juga mencerminkan komitmen universiti dalam memperkukuh ekosistem pembelajaran berterusan selaras dengan perkembangan pendidikan semasa.

Antara objektif utama program ini adalah untuk memupuk budaya membaca dalam kalangan warga kampus dan memperkasa budaya ilmu. Inisiatif ini mampu meningkatkan peranan perpustakaan sebagai pusat rujukan dan pembelajaran yang dinamik dalam menyokong keperluan akademik dan pembangunan intelektual. Diharapkan penganjuran program ini akan terus menyemai amalan membaca sebagai rutin harian, di samping memperkukuhkan lagi budaya ilmu dalam kalangan warga UiTM.

اِقْرَأْ

I Q R A

JOM BACA BERSAMA 10 MINIT: MEMBACA MEMBINA BANGSA

Tarikh : 23 April 2026 | 27 Syawal 1447H
Lokasi : PTAR UiTM Cawangan Selangor Kampus Puncak Alam

Pelaksanaan program ini adalah secara serentak dan fleksibel, di mana para peserta boleh menyertai aktiviti membaca di mana sahaja mereka berada. Sepanjang tempoh 10 minit tersebut, para peserta telah meluangkan masa untuk membaca bahan pilihan masing-masing sama ada berbentuk ilmiah, santai mahupun digital.

Selain itu, peserta turut digalakkan untuk merakam momen membaca dan berkongsi kepada kami sebagai tanda sokongan terhadap usaha memupuk amalan membaca dalam kehidupan seharian. Inisiatif ini secara tidak langsung berjaya meningkatkan kesedaran tentang kepentingan membaca walaupun dalam tempoh masa yang singkat.

Secara keseluruhannya, program ini telah mencapai objektifnya dalam menggalakkan pembudayaan ilmu serta memupuk minat membaca dalam kalangan warga UiTM Kampus Puncak Alam. Diharapkan program seperti ini dapat diteruskan pada masa hadapan bagi melahirkan masyarakat yang berilmu dan berdaya saing.



PROGRAM TALAQQI KEROHANIAN SIRI 2 : HADIS 40 IMAM NAWAWI

Tarikh : 30 April 2026 | 12 Zulkaedah 1447H
Lokasi : PTAR UiTM Cawangan Selangor Kampus Puncak Alam

Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) UiTM Cawangan Selangor Kampus Puncak Alam dengan kerjasama Unit Hal Ehwal Islam (UHEI) UiTM Cawangan Selangor telah mengadakan Program Talaqqi Kerohanian: Hadis 40 Imam Nawawi. Program ini diadakan di Ruang LCE, Aras 4, PTAR UiTM Cawangan Selangor Kampus Puncak Alam bermula pada 9.30 hingga 10.30 pagi dan disampaikan oleh Ustaz Mohd Hafiz bin Mohd Hassan, Penolong Pendaftar Kanan (Hal Ehwal Islam).

Hadis ke-2 Arba'in Nawawi (Hadis Jibril) menggariskan tunjang agama melalui pertemuan penuh adab antara Malaikat Jibril dan Nabi Muhammad SAW, yang menekankan kepentingan berpakaian kemas serta kedudukan rapat dalam menuntut ilmu. Ringkasannya merangkumi empat pilar utama iaitu Islam (amalan zahir), Iman (pegangan batin), Ihsan (kesedaran dipantau Allah yang memacu integriti), dan As-Sa'ah (tanda-tanda kiamat). Pengajaran terbesarnya bagi mahasiswa adalah kepentingan integrasi antara ilmu, amal, dan akhlak, di samping menggunakan teknik soal jawab yang berkesan serta mengekalkan sifat tawaduk dengan mengakui keterbatasan ilmu sendiri.



KEMPEN KESEDARAN KESIHATAN @ UCS

Tarikh : 29 April 2026 | 11 Zulkaedah 1447H
Lokasi : PTAR UiTM Cawangan Selangor Kampus Puncak Alam

Program Kesedaran Kesihatan@UCS 2026 telah berjaya dilaksanakan melalui kerjasama strategik antara Unit Kesihatan, Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) Kampus Puncak Alam, Pejabat Kesihatan Daerah Kuala Selangor dan *National Kidney Foundation of Malaysia* (NKFM). Bertemakan “Sayangi Buah Pinggang Anda”, program ini bertujuan meningkatkan kesedaran dalam kalangan warga kampus terhadap kepentingan penjagaan kesihatan buah pinggang melalui pelbagai pengisian seperti saringan kesihatan, konsultasi serta pameran kesihatan.

Antara aktiviti yang dijalankan termasuk saringan kesihatan merangkumi ujian fungsi buah pinggang, BMI, glukosa dan kolesterol, konsultasi kesihatan oleh NKFM serta pameran kesihatan oleh Pejabat Kesihatan Daerah Kuala Selangor. Program ini turut menampilkan ceramah kesihatan yang disampaikan oleh Dr. Mohd Ramadhan Ab Hamid, Pensyarah Kanan Fakulti Sains Kesihatan UiTM, sekaligus memberi penekanan terhadap amalan gaya hidup sihat dan kepentingan pengesanan awal dalam mencegah penyakit buah pinggang.

